

**Perginya Seorang Tokoh Terbilang Politik Sarawak
Bernama
Julai 18, 2011
Oleh Alan Ting**

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Mendiang Datuk Amar James Wong Kim Min, bekas presiden Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), pernah berkata beliau akan berundur daripada arena politik selepas melaksanakan ikhtiar terakhir untuk menyelamatkan parti itu daripada dibatalkan pendaftarannya.

Ternyata, tokoh terbilang dalam politik Sarawak ini berpegang pada kata-kata itu apabila beliau berundur pada 2002 tanpa mempedulikan keputusan berhubung perkara itu daripada segi undang-undang.

Beliau meninggalkan arena politik selepas memfailkan permohonan untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membatalkan pendaftaran SNAP, yang pernah menjadi parti komponen Barisan Nasional (BN).

Bagaimanapun, ahli politik veteran kelahiran Limbang ini, yang menghembuskan nafas terakhirnya hari ini pada usia 89 tahun akibat serangan jantung, sempat melihat usahanya membuahkan hasil pada 2010 -- lapan tahun selepas beliau memperjuangkan agar SNAP tidak dibatalkan pendaftarannya -- dan hari ini SNAP kekal sebagai parti yang terus aktif.

Keazaman Wong untuk berbuat demikian lahir apabila Pendaftar Pertubuhan (ROS) membatalkan pendaftaran SNAP pada 5 Nov 5 2002 berikutan kegagalan parti itu menyelesaikan krisis kepimpinan yang dialaminya. Selepas itu, sekumpulan bekas anggota parti itu, yang diketuai Datuk (kini Tan Sri) William Mawan Ikom, menubuhkan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP).

"Biar apapun keputusan mahkamah kelak, saya tetap akan bersara sepenuhnya daripada politik kerana telah berkecimpung dalam bidang ini sejak 50 tahun lepas. Saya menganggap ini (permohonan mengetepikan keputusan ROS membatalkan pendaftaran SNAP) tanggungjawab dan tugas terakhir saya sebagai ahli politik kerana selepas ini, saya ingin menikmati sepenuhnya sisa-sisa kehidupan saya," katanya dalam temu bual dengan Bernama pada 26 Nov, 2002.

Pada pertemuan berkenaan, Wong, yang namanya tidak dapat dipisahkan daripada parti politik tertua di Sarawak itu, memberitahu penulis bahawa beliau berasa bertanggungjawab untuk mencurahkan bakti terakhir melalui kerjaya politiknya bagi memenuhi permintaan ramai bekas anggota SNAP agar beliau menggunakan semua saluran undang-undang untuk menghidupkan kembali parti itu.

Wong menikmati kejayaan daripada usahanya itu tahun lepas apabila Mahkamah Rayuan mengetepikan keputusan ROS membatalkan pendaftaran SNAP dan parti itu kembali aktif dalam bidang politik, walaupun kali ini bukan sebagai kerabat BN, tetapi sebagai parti pembangkang.

Apa yang menarik tentang temu bual itu ialah Wong, yang pernah menyandang jawatan Timbalan Ketua Menteri Sarawak pertama selepas pembentukan Malaysia, telah meluahkan hasratnya untuk bersara daripada politik.

Ahli politik veteran ini berkata beliau gembira kerana berpeluang berkhidmat untuk negara dan rakyat selama lebih 50 tahun, termasuk sebagai Pembangkang.

Digelar "Orang Lama Terbilang Dalam Politik Sarawak", Wong yang dilahirkan pada 6 Ogos 1922, memulakan kerjaya politiknya apabila dilantik sebagai anggota Majlis Daerah

Limbang pada 1951.

Pada 1956, beliau dipilih sebagai anggota Majlis Negeri Sarawak (kini dikenali sebagai Dewan Undangan Negeri) ketika Sarawak masih di bawah pentadbiran penjajah Ingeris.

Selepas penubuhan Malaysia pada 1963, presiden SNAP ketika itu, Tan Sri Stephen Kalong Ningkan, dilantik sebagai Ketua Menteri Sarawak dan Wong pula menjadi timbalan beliau dalam kerajaan Perikatan negeri.

Wong juga adalah antara anggota delegasi Sarawak yang terlibat dalam rundingan mengenai penubuhan Malaysia.

Apabila SNAP keluar daripada kerajaan Perikatan dan menjadi parti pembangkang, Wong bertanding sebagai calon pembangkang bagi kerusi Parlimen Miri-Lubis pada pilihan raya umum 1969 dan memenangi kerusi itu. Pada 1974, beliau dilantik sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen.

Wong juga memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Limbang atas tiket SNAP pada pilihan raya umum 1969 dan mengekalkan kerusi itu selama tujuh penggal. Bagaimanapun, beliau tidak bertanding pada pilihan raya negeri 2001.

Ketika menjadi Ketua Pembangkang, Wong ditahan mengikut Peraturan Memelihara Keselamatan Awam (Penahanan) pada 30 Okt 1974 kerana dituduh merancang menyerahkan Limbang kepada Brunei.

Lima bulan kemudian iaitu pada 10 Mac 1975, beliau dibebaskan melalui writ habeas corpus, tetapi ditahan semula mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Wong akhirnya dibebaskan dengan syarat beliau hanya boleh bergerak di daerah Limbang selama dua tahun.

Ditanya tentang penahanan itu, beliau secara berjenaka berkata, "Awak tahu, saya mendapat ijazah daripada Kem Kamunting selepas tiga tahun."

Selain aktif dalam politik, Wong juga meminati bidang penulisan dan mengabadikan buah fikiran serta pengalamannya dalam beberapa buku.

Buku karangan beliau termasuk "A Special Breed" (1981), "The Price of Loyalty" (1984), "Shimmering Moonbeams" (1983), "No Joke James" (1985), "Buy A Little Time" dan "The Birth of Malaysia" (1989).

Walaupun terlibat dengan pelbagai sepak terajang politik, tetapi kata Wong beliau tidak menyimpan dendam terhadap sesiapa, termasuk pemimpin tertinggi BN di peringkat negeri atau persekutuan dan malah, menyifatkan mereka sebagai rakannya, termasuk golongan yang menentang kepimpinan beliau dalam SNAP.

Wong juga memberitahu penulis bahawa dalam kerjaya politik yang beliau harungi selama lebih setengah abad, beliau sentiasa mengingatkan bahawa "politik tidak menjanjikan kemegahan kerana anda akan dilupakan apabila sudah bersara dan anda hanya mampu berbisik kepada diri sendiri...saya telah melaksanakan satu tugas mulia."

Beliau berpesan kepada ahli politik supaya sentiasa mengingatkan bahawa setelah semuanya berakhir, "hanya Tuhan yang akan membalas jasa mereka".

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=602137>